

24/02/1997

Najib, KPN bincang gari pelajar

Sariha Mohd Ali

PEKAN, Ahad - Kementerian Pendidikan akan mengadakan perbincangan dengan Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Rahim Noor, esok, bagi mencari kaedah paling sesuai berhubung tindakan sewajarnya dilakukan terhadap pelajar sekolah yang ditahan kerana terbabit dalam masalah sosial di negara ini.

Pertemuan itu berikutan tindakan polis menggari pelajar berkenaan dan penyiaran gambar mereka dalam media massa yang menimbulkan bantahan ibu bapa dan orang ramai.

Selain itu, tindakan seumpama itu boleh mengganggu emosi dan psikologi pelajar pada masa depan, berikutan mereka mungkin dihina masyarakat kerana terbabit dalam kegiatan tidak bermoral itu.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau sudah memaklumkan masalah itu kepada KPN yang kemudiannya bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenainya, esok.

Beliau berkata, perkara sama juga akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masalah Sosial yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi menentukan kaedah dan garis panduan lebih tepat bagi menangani masalah remaja itu.

Katanya, masalah sosial di kalangan pelajar sekolah perlu ditangani segera dengan lebih berkesan dan Kementerian Pendidikan tidak akan menutup perkara itu, sebaliknya mengenal pasti jumlah sebenar pelajar bermasalah di negara ini.

"Kementerian maklum tindakan menyiarkan gambar pelajar sekolah di media massa serta menggari mereka yang ditahan kerana disyaki terbabit dalam penyalahgunaan dadah di Johor, baru-baru ini, menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan ibu bapa dan orang ramai.

"Kita akan berbincang dengan polis bagi menjaga emosi dan psikologi pelajar tidak terganggu, malah kita mahu ibu bapa membantu kerana masalah itu tidak seharusnya dibebankan terus kepada kerajaan.

"Bagaimanapun, sebelum tindakan diambil, kita akan memaklumkan kepada ibu bapa berhubung salah laku yang dilakukan pelajar terbabit," katanya kepada pemberita pada majlis Aidilfitri anjuran Umno Pekan di kediamannya di sini, hari ini.

Turut hadir, isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor dan beberapa Exco Kerajaan Negeri serta Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Abdul Ghani Sulaiman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam laporan akhbar hari ini, berkata polis sepatutnya menggunakan budi bicara tertentu dan tidak menggari pelajar sekolah yang disyaki terbabit dalam penyalahgunaan dadah, kerana tindakan itu boleh memberi tekanan kepada pelajar.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata pelajar itu tidak perlu digari, sebaliknya hanya membawa mereka ke balai polis untuk siasatan.

Najib berkata, Kementerian Pendidikan sudah mengeluarkan arahan kepada semua pengetua supaya mengambil tindakan sesuai terhadap pelajar bermasalah selain laporan disiplin pelajar diselaraskan di peringkat daerah setiap bulan, sebelum dikemukakan kepada kementerian untuk tindakan lanjut.

"Setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) diarah menyelaraskan laporan itu melalui pengetua sekolah dan kemudian laporan PPD dihantar kepada kementerian.

"Jika perlu, tindakan terhadap pelajar sekolah bermasalah boleh diambil

di peringkat daerah kerana kita mempunyai jawatankuasa permuafakatan membabitkan kerjasama polis. Laporan tindakan itu pula perlu dihantar kepada kementerian," katanya.

(END)